

PEMUDA UMNO PERTAHAN LEGASI TUN ABDUL RAZAK MENGENAI BN

Date: 16-06-2007

Author: / SYZ JUR LIB HM

Pemuda-Legasi

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Seluruh anggota Pemuda Umno diminta supaya mempertahankan konsep perkongsian kuasa yang diamalkan di kalangan Barisan Nasional (BN) iaitu legasi yang ditinggalkan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak kepada negara.

Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin ketika merumuskan Seminar Legasi Tun Abdul Razak hari ini berkata konsep perkongsian kuasa itu telah menyelamatkan negara dengan penyatuan kepimpinan terdahulu sehingga ke kepimpinan sekarang.

Ia adalah sebahagian daripada legasi Tun Abdul Razak yang masih kekal, katanya.

Tun Razak telah membentuk BN pada 1973 berikutan kekurangan yang ada pada formula Perikatan dalam Pilihanraya 1969 yang membawa kepada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei.

Pada Pilihanraya Kebangsaan 1974, Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri telah menerajui BN untuk menghadapi pilihanraya itu dengan kemenangan besar, menguasai 135 kerusi daripada 154 kerusi yang dipertandingkan.

BN pada ketika itu turut disertai Parti Islam se-Malaysia (PAS).

Setiausaha Pemuda Umno Datuk Abdul Rahman Dahlan yang turut merumuskan berkata "konsep kongsi kuasa juga berjaya menstabilkan negara dan membentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara".

DEB yang diperkenalkan pada 1970 juga merupakan sumbangan terbesar Tun Abdul Razak kepada negara dalam mengstruktur semula masyarakat dan pengagihan kekayaan negara kepada bumiputera dan bukan bumiputera serta menghapuskan kemiskinan.

Seminar dua hari anjuran bersama Akademi Pemuda, dipengerusikan Khairy, dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak, merumuskan bahawa semangat DEB perlu terus disemai di kalangan rakyat bagi menjamin kemakmuran negara.

Seminar juga merumuskan antara lain bahawa Tun Razak memainkan peranan penting sebagai pemangkin dalam bidang pendidikan negara dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak pada 1955, yang menjadi asas sistem pendidikan negara.

Majlis penutupan seminar legasi Tun Abdul Razak disempurnakan oleh Menteri Penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin dan disaksikan Menteri Pelajaran yang juga Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA

SYZ JUR LIB HM